



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

SEMPENA

MAJLIS

**SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 2019**

29 SEPTEMBER 2019 (AHAD)

**DATARAN SUNGAI SELANGOR,
AMPANG PECAH, KUALA KUBU BHARU,
DAERAH HULU SELANGOR,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Selamat pagi dan Salam sejahtera

**Yang Berbahagia Datuk Zurinah Binti Pawanteh
Ketua Setiausaha
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)**

**Yang Berhormat Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj. Abdullah Bin Isnin
Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)**

**Yang Berbahagia Dato' Ir. Hashim Bin Osman
Pengarah Lembaga Urus Air Selangor**

**Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi;
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri**

**YBhg. Dato'-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang
dikasihi sekalian**

1. Pertamanya, saya ingin menyampaikan ucapan salam dan mohon maaf daripada YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli kerana beliau tidak dapat hadir ke Majlis Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019 pada pagi ini. Beliau telah memohon agar saya menggantikan tempat beliau dan membaca teks ucapan beliau pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan

Kerajaan Negeri Selangor yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan **Majlis Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2019** pada pagi ini.

3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ucapan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor, pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan-badan NGO, pemimpin-pemimpin dan masyarakat tempatan serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perasmian Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019 pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Sungai Sedunia 2019 yang telah mengatur pelbagai program dan aktiviti sejak awal pagi lagi. Sokongan padu dan kerjasama erat Jabatan dan Agensi serta saudara/saudari semua telah membolehkan program kita pada hari ini berlangsung dengan lancar.

4. Sebagaimana yang kita maklum, sungai adalah sumber utama bekalan air minum dan kehidupan di seluruh dunia sejak dahulu lagi. Di atas kepentingan inilah maka sambutan Hari Sungai Sedunia dilihat oleh agensi-agensi berkaitan pengurusan air di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai satu acara yang sangat baik dan berkesan untuk mewujudkan lebih kesedaran tentang keperluan untuk penjagaan sumber air dunia.

5. Sambutan Hari Sungai Sedunia pada tahun ini dilihat sebagai satu acara yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap betapa penting dan bernilainya sungai untuk semua kehidupan selari dengan tema pelancaran pada tahun ini iaitu “**Waterways In Our Communities**”. Tema ini dipilih kerana ia mengambil kira tuntutan peranan

masyarakat setempat termasuk pemain industri yang semakin berkembang pesat mengenai keperluan menjaga kelestarian sungai dan alam sekitar. Tambahan pula, sambutan Hari Sungai Sedunia adalah selaras dengan usaha *United Nations (UN)* di peringkat global bagi program berkaitan air termasuklah akses kepada air dan kumbahan yang selamat, peningkatan ekosistem dan sumber air serta mengurangkan risiko bencana berkaitan air seperti banjir dan kemarau.

Hadirin yang dihormati sekalian

6. Jumlah keseluruhan lembangan sungai di Malaysia adalah sebanyak 189, termasuk 75 lembangan sungai di Sabah dan 40 lembangan sungai di Sarawak. Pada tahun 2017, didapati sungai yang tercemar telah meningkat sehingga 11 peratus berbanding hanya 9 peratus pada tahun 2013, dengan sebahagian besar daripadanya berada di kawasan bandar. Daripada 477 sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar, 276 atau 58 peratus masih berada dalam keadaan bersih manakala 168 atau 35 peratus didapati mengalami sedikit pencemaran. Perkembangan ini agak membimbangkan selari dengan pembangunan pesat yang dialami oleh negara. Ini terbukti dimana sejak kebelakangan ini, alam sekitar kian diancam dari pelbagai sudut disebabkan oleh aktiviti tidak beretika manusia sehingga mengakibatkan kelestariannya tergugat

7. Misalnya, kejadian pada bulan Jun lalu akibat pembuangan minyak diesel di Sungai Selangor yang telah mengakibatkan operasi 4 loji rawatan air di Selangor terpaksa dihentikan. Insiden ini telah menjejaskan kehidupan seharian pengguna di Selangor dan Kuala Lumpur. Peristiwa ini menyaksikan masyarakat kita semakin keliru dalam memahami hakikat sebenar kejadian alam sehingga menyebabkan kepada kegagalan kita

untuk melahirkan masyarakat minda kelas pertama terhadap aspek kelestarian alam sekitar terutamanya dari aspek kebersihan dan permasalahan sampah di persekitaran kita.

8. Pencemaran kebanyakannya dilakukan oleh aktiviti manusia sendiri, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini adalah berpunca daripada tindakan manusia yang gemar membuang sampah di merata-rata tempat dan akhirnya ia masuk ke dalam sungai. Justeru, sudah tiba masanya masyarakat kita perlu mengubah mentaliti ke arah yang lebih peka terhadap kesan buruk yang bakal dihadapi agar mereka tidak sewenang-wenangnya membuang sampah.

Para hadirin yang saya hormati

9. Pemilihan lokasi perasmian Hari Sungai Sedunia 2019 amat bertepatan dengan tema sambutannya pada tahun ini. Kita dapat melihat pemandangan Sungai Selangor yang indah di hadapan kita dan betapa jernih serta bersihnya air di bahagian hulu sungai di Empangan Sungai Selangor. Sungai Selangor merupakan sumber air utama yang melibatkan lebih 60 peratus pengguna di Negeri Selangor termasuk di kawasan Lembah Kelang.

10. Namun, semakin menghampiri bahagian hilir iaitu di kawasan yang telah didiami oleh manusia dan kawasan pembangunan, kita dapati air semakin keruh dan banyak sampah yang telah terperangkap di dalam sungai. Keadaan ini terjadi berpunca daripada sikap manusia yang tidak menghargai alam semulajadi. Kajian mendapati hampir 40 peratus sungai-sungai di sekitar Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya didapati tercemar teruk atau dikategori dalam kelas 5, iaitu

hampir mati. Jumlah sungai bagi kelas 1 iaitu airnya yang boleh terus diminum tanpa rawatan, manakala bagi kelas 2 iaitu airnya yang memerlukan rawatan biasa semakin berkurangan. Sebaliknya bagi kelas 4, iaitu tercemar dan kelas 5, hampir mati, bilangan sungai bagi Kelas tersebut semakin bertambah. Keadaan seperti ini menyebabkan pengguna sering diancam kekerapan gangguan bekalan air dan berlaku penutupan loji apabila berlaku pencemaran yang teruk. Jika keadaan ini berterusan, ia pasti memberi kesan kepada bekalan air negara seterusnya menjejaskan kehidupan penduduk sekitar.

11. Salah satu usaha yang harus dipuji adalah langkah yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) yang melaksanakan pemasangan perangkap pencemaran kasar atau *Gross Pollutants Traps* (GTP) di sepanjang lembangan Sungai Klang. Pemasangan GTP ini didapati banyak mengurangkan sampah pepejal yang terdapat di sungai berkenaan, sekaligus sedikit sebanyak membantu menjadikan sungai itu lebih bersih keadaannya berbanding sebelum pemasangan alat tersebut.

Hadirin yang dihormati sekalian

12. Adalah menjadi hasrat saya untuk melihat semua pihak, khususnya Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta jabatan/ agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan sumber air untuk sama-sama berganding bahu bagi memastikan pelaksanaan pengurusan sumber air secara lebih berkesan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua pihak berkepentingan agar memberi perhatian dan tumpuan serta mengambil tindakan yang berterusan demi memastikan pengurusan sumber air negara ini dapat dilaksanakan secara lestari bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

13. Rakyat juga seharusnya sedar bahawa sungai yang kotor akan menyebabkan hidupan akuatik di dalamnya terjejas dan tercemar. Ini secara tidak langsung akan menjejaskan dan mencemarkan rantai makanan seterusnya menyebabkan pelbagai jenis penyakit dan juga mencemarkan alam sekitar. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjaga kualiti air sungai.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat bagi menjayakan Sambutan Hari Sungai Sedunia 2019 pada kali ini. Semoga Sambutan Hari Sungai Sedunia pada tahun ini dapat menyemai dan meningkatkan kesedaran kita semua untuk sama-sama menjaga sungai-sungai secara lestari untuk manfaat kita bersama.

15. Akhir kata, dengan sukacitanya saya **MERASMIKAN MAJLIS SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019.**

Sekian, terima kasih.